

30 JUL 1998

Mahathir-perdagangan

MALAYSIA INGIN TAMBAH PERDAGANGAN DENGAN SELATAN AFRIKA

Oleh: Zulkefli Salleh

MAPUTO (MOZAMBIQUE), 30 Julai (Bernama) -- Malaysia berharap untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi dua hala dengan negara-negara selatan Afrika walaupun pelaburannya di rantau itu berkurangan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata langkah itu selaras dengan usaha Malaysia untuk mengatasi masalah ekonominya yang berpunca daripada pergerakan mata wang.

"Akibat masalah ekonomi di negara sendiri, kami terpaksa menumpu kepada eksport sebagai jalan keluar," katanya pada jamuan tengah hari dan dialog yang dihadiri usahawan tempatan dan rombongan ahli perniagaan Malaysia yang mengiringi beliau dalam lawatan tiga harinya ke sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia ingin mencari pasaran di Mozambique untuk barangannya seperti kren untuk pelabuhan dan peralatan rumah.

Katanya dengan meningkatkan hubungan perdagangan, Malaysia yang tidak lagi mampu melabur secara besar-besaran di selatan Afrika, masih dapat memainkan peranan bermakna di rantau itu.

Mengenai kesan krisis kewangan di Asia Timur terhadap ekonomi Malaysia, beliau berkata : "Sebaik saja kami menyelesaikan masalah sekarang, kami akan meneruskan semula usaha niaga di luar negara bagi menyertai dalam pembangunan ekonomi negara selatan yang lain."

Dalam lawatannya ke Malaysia tahun lepas, Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano, mempelawa pelabur Malaysia membantu dalam pembangunan semula negaranya yang dilanda perang saudara selama 16 tahun.

Pelaburan Malaysia di Mozambique pada masa ini masih kecil walaupun di Afrika Selatan, Malaysia merupakan pelabur kedua terbesar dengan pelaburan bernilai RM2.4 bilion sejak berakhirnya apartheid pada 1994. Bagaimanapun, kedudukan Malaysia itu diambil alih oleh Britain ekoran masalah mata wang di Asia Timur.

Beberapa syarikat telah melabur di Mozambique. Mereka termasuk Southern Bank Berhad menerusi anak syarikatnya Investimentos Association Limitida, yang ditubuhkan di Mozambique.

Ia telah memiliki 51 peratus kepentingan dalam Banco Austral, sebuah daripada bank terbesar di Mozambique dengan 196 cawangan.

Pemaju Bina Puri dari Malaysia dijangka menandatangani perjanjian dengan sebuah syarikat Mozambique untuk membina 2,000 unit rumah kos rendah dan sederhana, projek pertama yang dibiayai oleh sebuah bank tempatan di negara ini.

Dr Mahathir berharap usahawan Malaysia yang berurus niaga di Mozambique akan mengutamakan kepentingan jangka panjang.

Beliau berkata Malaysia dan Mozambique mempunyai potensi untuk meluaskan hubungan dua hala dalam bidang perdagangan dan ekonomi khususnya dalam sektor pertanian, penjana kuasa, infrastruktur, perlombongan dan pembangunan sumber asli.

Dr Mahathir berharap usahawan Mozambique menghubungi kedutaan atau perwakilan Malaysia untuk mengetahui mengenai rakyat Malaysia yang berurus niaga di sini kerana "kami mengaku bahawa ada pengusaha kelentong yang mencemar nama baik kami."

Beliau berkata hubungan perdagangan antara kedua-dua negara perlu diperkukuhkan lagi kerana ia semakin merosot daripada US\$4.07 juta pada 1995 kepada US\$2.96 juta pada 1996 dan US\$1.74 juta tahun lepas.

Tahun lepas eksport Malaysia ke Mozambique bernilai US\$1.73 juta berbanding US\$2.72 juta pada 1996. Barangan utama Malaysia ialah minyak

sayur dan lelemak, getah asli dan bahan pelekat.

Untuk tempoh Januari hingga Mei tahun ini, eksport Malaysia ke Mozambique bernilai US\$1.6 juta.

Dr Mahathir berkata walaupun banyak syarikat Malaysia mengalami masalah, ada juga lagi yang mampu melabur di luar negara.

Mereka termasuk syarikat besar dalam bidang telekomunikasi dan tenaga serta juga Petronas.

Dengan adanya rakan niaga yang sesuai, syarikat-syarikat ini sedia untuk menyertai bidang yang mereka mempunyai kepakaran, kata beliau.

Untuk memudahkan lagi hubungan perdagangan dan ekonomi, Dr Mahathir berkata sektor awam di kedua-dua negara perlu juga membantu sektor swasta.

Beliau menyeru ahli perniagaan Mozambique supaya menggunakan kemudahan Pusat Tukaran Teknologi dan Data Pelaburan Selatan di Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklumat pasaran di negara-negara Selatan khususnya Malaysia.

-- BERNAMA

ZKS MAI